

10 OCT 1997
Mahathir-Sokong
MAHATHIR TERUS TERIMA SOKONGAN

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini terus menerima sokongan untuk memimpin kerajaan dan mengambil langkah menangani masalah ekonomi yang sedang dihadapi oleh negara kini.

Antara yang terbaru ialah daripada Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan anggota Jawatankuasa Pusat parti Gerakan Malaysia Dr S. Vijayaratnam.

MMA dalam kenyataannya hari ini melahirkan sokongan sepenuhnya kepada kepimpinan Dr Mahathir. Ia yakin dengan kerjasama erat antara Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Perdana Menteri, Malaysia akan dapat mengatasi masalah tersebut.

"Petunjuk taraf kesihatan bertambah baik dengan banyaknya sejak Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri. Ini menjadi bukti kepada rekod cemerlang Dr Mahathir dalam pembangunan negara," kata Presiden MMA, Dr Milton Lum.

Dr Lum berkata bidang perubatan berbangga dengan pencapaian Dr Mahathir dan menjadikan beliau sebagai contoh.

"Ketika negara menuju ke arah status negara maju, pelbagai rintangan dan halangan dijangkakan, dan halangan yang sedang dihadapi ini akan dapat diatasi lebih cepat sekiranya rakyat Malaysia terus bersatu, rajin dan berjimat cermat, katanya.

Sementara itu, Dr Vijayaratnam berkata semua rakyat Malaysia perlu menyahut seruan Dr Mahathir untuk terus bersatu dan berdisiplin serta yakin terhadap kemampuan kerajaan menangani masalah sekarang.

"Mereka perlu ingat bahawa kerajaan hanya memikirkan kebajikan rakyatnya semata-mata, oleh itu kita mesti bekerjasama demi kebaikan kita sendiri," katanya.

Apa yang berlaku bukan kesalahan kerajaan tetapi disebabkan faktor manipulasi antarabangsa yang di luar kawalan sesiapa pun, katanya.

Katanya keadaan kini hanya sementara dan Malaysia akan pulih semula

kerana negara ini mempunyai dasar ekonomi yang kukuh, ditambah pula dengan kestabilan kerajaan dan masyarakat perniagaan yang pintar.

"Kita yakin dengan penyertaan rakyat, rancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini bukan sahaja berjaya, tetapi negara ini juga akan

menjadi lebih kukuh," katanya. -- BERNAMA

AFY NN NMO